

**PEMBUKAAN SEMULA MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA
DAN PERKEMBANGAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PEMILIHAN CALON
KE SEKOLAH ARAB DAN PROGRAM VAKSINASI TENAGA PENGAJAR,
PELAJAR-PELAJAR DAN WARGA KHEU**

Berakas, Hari Khamis, 06 Rabi'ulakhir 1443H bersamaan 11 November 2021M –

1. Dalam Persidangan Akhbar Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang lalu pada hari Isnin, 11 Rabiulawal 1443 bersamaan 18 Oktober 2021 Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sokongan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bahawa masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat seluruh negara boleh dipertimbangkan untuk dibuka semula apabila jumlah vaksinasi lengkap rakyat dan penduduk di negara ini mencapai 70%. Walaubagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada penilaian Jawatankuasa Pandu COVID-19 yang mana Kementerian Kesihatan adalah Pengerusi Bersama kepada jawatankuasa berkenaan.
2. Maka pada merujuk sidang media pada 9 November 2021, dimana Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Kedua telah mengumumkan mengenai Fasa Peralihan yang akan bermula pada 19hb November 2021 iaitu dengan pencapaian kadar vaksinasi kebangsaan mencapai 70%.
3. Oleh yang demikian, sesuai dengan keputusan MUIB yang telah diperkenankan, maka semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini akan dibuka semula pada hari Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443H bersamaan 19 November 2021M bermula dengan sembahyang Fardhu Subuh, Sembahyang Fardhu Jumaat dan sembahyang-sembahyang berikutnya dalam Fasa Peralihan.
4. Dan sesuai juga dengan keputusan MUIB itu, pembukaan masjid-masjid tersebut adalah untuk mendirikan sembahyang Fardhu lima waktu dan sembahyang Fardhu Jumaat sahaja. Adapun aktiviti-aktiviti keugamaan yang lainnya yang lazim dijalankan belumlah boleh diadakan sehinggalah ke satu keadaan yang dirasakan lebih selamat.
5. Bagi tujuan ini satu garispandu telah ditetapkan iaitu hasil daripada perbincangan bersama Kementerian Kesihatan dan dibawa kepada Jawatankuasa Kesejahteraan dan Kebajikan seterusnya mendapat ketetapan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pandu COVID-19 yang diadakan pada 9hb November 2021.

6. Butir-butir lengkap sop berkenaan adalah seperti berikut:-

FASA PERALIHAN		
Fasa ini akan bermula pada kadar vaksinasi penduduk Negara Brunei Darussalam mencapai 70% lengkap dua (2) dos vaksin Covid-19		
KEBENARAN	1	Hanya jemaah dan orang ramai yang berumur 18 tahun ke atas dan lengkap dua (2) dos vaksin sahaja yang akan dibenarkan bersembahyang fardhu Jumaat dan sembahyang fardhu lima waktu di masjid, surau dan balai ibadat seluruh Negara termasuk surau-sarau dibawah kawalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei.
	2	Hanya Jemaah lelaki sahaja yang dibenarkan membuat tempahan bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Manakala sembahyang fardhu lima waktu dibenarkan untuk Jemaah lelaki dan perempuan
	3	Kapasiti masjid bagi sembahyang fardhu Jumaat adalah tertakluk kepada keluasan ruang dalam dan luar masjid setelah dilakukan penjarakan 1 tikar sembahyang berukuran besar (1 meter)
TIDAK DIBENARKAN	4	Jemaah yang mempunyai simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan hadir ke masjid, surau dan balai ibadat
	5	Masjid-masjid belum dibenarkan untuk mengadakan sebarang aktiviti-aktiviti takmir masjid.
	6	Tidak bersalaman bersama jemaah yang hadir
DI MESTIKAN	7	Bagi Sembahyang Fardhu Jumaat, jemaah dikehendaki membuat tempahan menggunakan aplikasi 'BruHealth' serta mendapat kelulusan kod berwarna hijau atau kuning.
	8	Jemaah dikehendaki membawa tikar sembahyang sendiri (berukuran besar) bagi setiap kali menunaikan sembahyang
	9	Jemaah dikehendaki berwudhu sebelum ke masjid. Kemudahan masjid seperti tandas dan tempat berwudhu adalah tidak digalakkan untuk digunakan kecuali jika perlu.
	10	Jemaah dimestikan untuk memakai <i>face mask</i> (sungkup muka) pada setiap masa.
	11	Jemaah dikehendaki membuat pemeriksaan suhu badan

DIGALAKKAN	12	Jemaah digalakkan menggunakan hand sanitizer sebelum memasuki masjid, surau dan balai ibadat
KAWALAN	13	Kawalan kemasukan ke masjid-masjid oleh pasukan beruniform dibantu ahli Jawatankuasa Takmir Masiid dan pasukan sukarelawan serta belia masjid untuk mengawal dipintu-pintu masuk (bagi Sembahyang Fardhu Lima Waktu dan Sembahyang Fardhu Jumaat)
KEBERSIHAN	14	Langkah-langkah pembersihan masjid bagi membendung penularan wabak perlu dititik beratkan seperti ; <ul style="list-style-type: none"> i. Membersihkan semua tombol/ pemegang pintu (<i>door handle</i>) dengan cecair disinfektan (seperti Clorox, Dettol) yang dicampur dengan air, ii. Membersihkan ruang solat, permukaan-permukaan seperti rak-rak, tiang-tiang dan sebagainya dengan cecair disinfektan (seperti Clorox, Dettol) yang dicampur dengan air iii. Membersihkan tandas dan tempat berwudhu

7. Sementara SOP seterusnya bagi Fasa Endemik akan dimaklumkan kemudian sesuai dengan keadaan ketika itu.

8. Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita mengajak umat Islam di Negara ini supaya bersyukur atas segala limpah dan rahmat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dengan pembukaan semula masjid ini. Walaupun masjid dibuka secara berperingkat dan melalui tempahan bagi Sembahyang Fardhu Jumaat akan tetapi ianya akan menepati tujuan memakmurkan masjid oleh kita orang-orang yang beriman kepada Allah, kepada Hari Akhirat, menunaikan sembahyang, membayar zakat yang mana itu menjadikan kita orang-orang yang akan sentiasa mendapat hidayat, yang dalam makna ianya termasuklah petunjuk, pedoman ke arah menyukai perkara-perkara yang baik dan menolak perkara-perkara yang jahat, buruk (mungkar), seperti mafhum daripada firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* ayat 18 Surah At Taubah:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ
يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ ۗ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

التوبة ١٨

9. Berhubung mengenai dengan Peperiksaan Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab (PCKSA), ianya akan dilaksanakan menggunakan Markah Penilaian Sekolah iaitu dengan mengambil kira perolehan markah pelajar dalam Penilaian Kendalian Sekolah sama ada peperiksaan setengah tahun, ujian topikal dan penilaian hasil kerja pelajar di sepanjang tahun 2021. Jumlah calon yang telah mendaftar adalah seramai 2,394 orang.

10. Hasil Pencapaian Pelajar tersebut akan diselaraskan oleh Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam yang terus berhubung melalui Guru-Guru Besar Calon-Calon berkenaan sama ada Guru-Guru Besar Sekolah agama bagi mata pelajaran agama dan Guru-Guru Besar Sekolah umum bagi mata pelajaran Matematik & Sains. Keputusan peperiksaan ini akan diumumkan sebelum kemasukan ke sekolah-sekolah Arab kira-kira pada bulan Januari 2022 nanti.

11. Dalam mendokong Program Vaksinasi Kebangsaan, kesemua tenaga pengajar, pekerja-pekerja persekolahan lain (Non-teaching Staff) petugas dan penjaga di sekolah-sekolah yang juga meliputi sekolah-sekolah agama dan Arab serta Institut Tahfiz dan Pengajian Tinggi di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah **dikehendaki** bervaksin secara mandatori iaitu sebagaimana yang disebutkan dalam Kenyataan Media, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 03 Rabiulakhir 1443 bersamaan 09 November 2021. Jumlah Vaksin guru terkini setakat hari ini (11.11.2021) adalah seperti berikut:

- ✓ Lengkap 2 dos : 2781 guru (78.96%)
- ✓ Baru 1 dos : 709 guru (20.13%)
- ✓ Belum bervaksin : 32 guru (0.91%)
- ✓ Sekurang-kurang 1 dos vaksin keseluruhan: 3,490 orang (99.09%)

12. Dalam Pelaksanaan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi remaja berumur 12-17 Tahun, jumlah pelajar sekolah Arab dan Institut Tahfiz yang telah diizinkan oleh ibubapa dan penjaganya untuk diberikan suntikan vaksin dalam program ini adalah seramai 4,397 (96%) daripada jumlah keseluruhan 4590 orang pelajar yang berumur dalam lingkungan tersebut. Jumlah pelajar sekolah Arab dan Institut Tahfiz yang telah diizinkan oleh ibubapa dan penjaganya untuk diberikan suntikan vaksin dalam program ini adalah seramai 4,397 (96%) daripada jumlah keseluruhan 4590 orang pelajar yang berumur dalam lingkungan tersebut.

13. Alhamdulillah setakat 03 hari program tersebut dilaksanakan (bermula 08 November 2021) seramai **559 (12.71%) orang pelajar** telah diberikan vaksin. 64 orang pada hari pertama dan 466 orang pada hari kedua dan 29 orang pada hari ketiga. Program tersebut akan diteruskan pada hari Ahad dan hari Isnin, 14 dan 15 November nanti yang melibatkan jumlah terbesar iaitu seramai 3,647 orang pelajar.

14. Selepas itu, akan diketahui jumlah keramaian pelajar yang telah menerima vaksin dos pertama, jika jumlah tersebut berkurangan daripada 96% yang dinyatakan bermakna ada lagi ibubapa dan penjaga yang belum memberi izin atau tidak berkesempatan untuk membawa anak-anak mereka bervaksin. Kementerian Hal Ehwat Ugama akan meneliti perkara ini bagi memastikan pelajar-pelajar berkenaan dapat diberikan vaksin sepertimana yang dirancang.

15. Sebagai perkongsian maklumat, jumlah warga KHEU pada masa ini adalah seramai 6125 orang dan jumlah yang telah menerima suntikan vaksin adalah seperti berikut:

- ✓ Lengkap 2 dos : 4871 orang (80%)
- ✓ Baru 1 dos : 1193 orang (19%%)
- ✓ Belum bervaksin: 58 orang (1%)
- ✓ Sekurang-kurang 1 dos vaksin keseluruhan : 6064 orang (99%)

16. Akhirnya marilah kita bersyukur dan bertawakal kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* mudahan-mudahan kita semua dapat melalui norma baharu ini dengan rasa ikhlas dan penuh sabar untuk mencapai redha Allah jua,.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Hal Ehwat Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KHEU/BPA/PR334/November2021
Tarikh: 06 Rabi'ulakhir 1443H bersamaan 11 November 2021M